

Kerusi Dewan Negara untuk PPP

UM - 2 JAN 2000

Oleh AMRAN MULUP

KUALA LUMPUR 1 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, seorang wakil daripada Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) akan dilantik menganggotai kerajaan apabila ada kekosongan kerusi ahli Dewan Negara.

Pelantikan sebagai senator itu, kata beliau, tidak dapat dilaksanakan sekarang kerana semua kerusi ahli Dewan Negara sudah diisi oleh wakil dari parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain.

“Saya percaya jika ada ke-

kosongan saya akan melantik seorang daripada PPP menganggotai kerajaan,” ujar beliau sewaktu berucap pada majlis Rumah Terbuka dan Berbuka Puasa PPP di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu semua ahli dan pemimpin PPP bersabar kerana keadaan sekarang tidak mengizinkan pelantikan itu dibuat.

“Memang niat saya sekurang-kurangnya seorang daripada PPP menjadi anggota kerajaan tetapi memandang tidak ada ahli yang dicalonkan pada pilihan

raya lepas pelantikan itu tidak dapat dibuat.

“Oleh itu saya menggunakan saluran yang biasa dengan melantik wakil parti menjadi ahli Dewan Negara terlebih dahulu tetapi memandang ia sudah penuh kita perlu tunggu sehingga ada kekosongan,” ujarnya.

Pada majlis itu juga Dr. Mahathir menegaskan, beliau menghadapi masalah tuntutan hak daripada parti komponen BN terlalu kuat hingga beliau tidak dapat memberi tempat.

Rata beliau, ini tidak bermakna BN mengetepikan terus PPP sebaliknya menghargai dan terhuatung budi

kepada parti itu yang amat jelas membantu BN sewaktu pilihan raya umum lalu.

“Walaupun tiada ahli PPP dicalonkan tetapi di beberapa tempat tertentu undi daripada mereka turut memberi kemenangan kepada BN,” tegas beliau lagi.

Sementara itu, katanya, balasan yang dapat dirasakan oleh seseorang ahli atau pemimpin parti komponen BN ialah apabila kerajaan yang diterajui BN berjaya membangunkan negara dan memberi kehidupan yang selesa kepada rakyat pelbagai bangsa.

Tambah beliau, setiap ahli komponen BN tidak seharusnya berfikir bahawa tempat atau faedah yang diberikan kepadanya dianggap sebagai ganjaran atau balasan atas apa yang telah dilakukan.

Jelas Dr. Mahathir, apa yang diutamakan adalah perjuangan untuk membangunkan negara agar dunia menghormati Malaysia dan taraf hidup rakyat meningkat dengan pendapatan yang tinggi.

Beliau turut melahirkan rasa dukacita terhadap sege-lintir ahli parti komponen BN yang bertindak untuk kepentingan diri hingga menyebabkan calon BN tewas di sesetengah kawasan pada pilihan raya lalu.

“Inilah salah satu sebab calon BN tewas atau menang dengan majoriti undi yang kecil. Mereka ini kecewa kerana tidak dilantik sebagai calon,” ujarnya.

Beliau mengakui terdapat ahli parti komponen yang bertindak secara negatif bagi memastikan calon BN tewas.